

Telephone: Brunei Students Unit  
(020 7402 0045)  
Brunei Hall  
(020 7402 0953)  
Fax: 020 7262 8406  
Website: www.upp.org.uk  
Email: admin@upp.org.uk



اوپيټ فنونټ ووتز بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT  
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM  
35 – 43 Norfolk Square  
London W2 1RX

## SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT BILANGAN 06/2018

Kepada: Semua Penerima Biasiswa Kerajaan dan Penerima Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan

### MEMUATNAIK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER/PENGGAL 1 /2 / SESI PENGAJIAN 2017/2018 DAN ACADEMIC PROGRESS REPORT

Sukacita menarik perhatian semua penuntut berhubung perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan fungsi utama Unit Penuntut-Penuntut untuk memastikan kemajuan akademik dan kesejahteraan semua penuntut di seluruh United Kingdom dan Republik Ireland terutama kepada penerima Biasiswa kerajaan dan penerima Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan untuk **menghadapkan / memuatnaik keputusan peperiksaan semester / penggal pertama / kedua sesi pengajian 2017/2018 DAN Academic Progress Report** (link) yang perlu dilengkapkan oleh Personal Tutor melalui UPP Online portal masing-masing bermula **01 March 2018 hingga 15 Mac 2018**.

3. Bagi mana-mana kursus yang **tidak mempunyai peperiksaan bertulis (for none exam / research based – PhD Students)** hendaklah juga menghadapkan Academic Progress Report yang telah dilengkapkan oleh Personal Tutor masing-masing mengikut tarikh yang ditetapkan di atas.

4. Sekiranya Personal Tutor **tidak memberikan kerjasama untuk melengkapkan Academic Progress Report**, penuntut hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Penyelaras Akademik melalui emel ke [ac@upp.org.uk](mailto:ac@upp.org.uk) dengan memberikan nama penuh Personal Tutor, jawatan dan alamat emel.

5. Sayugia jua diingatkan kepada setiap penuntut yang mempunyai sebarang masalah akademik mahupun kesejahteraan supaya akan **terus menghubungi mana-mana pegawai Unit Penuntut-Penuntut dan tidak membiarkan sehingga masalah menjadi lebih serius** yang mana boleh menjejaskan prestasi akademik terutama apabila menjelang peperiksaan akhir tahun.

6. Sila ambil perhatian bahawa Unit Penuntut Penuntut di London sedia membantu dalam apa jua cara yang kita boleh, sama ada secara akademik atau peribadi.

7. Akhirnya, di doakan semoga semua penuntut-penuntut Brunei Darussalam di seluruh United Kingdom dan Republik Ireland akan berjaya menimba ilmu dan sentiasa berada di dalam keadaan sejahtera.

Sekian. Wassalam.

*“ Bersama Menjayakan Wawasan Brunei 2035 ”*

Irmawati binti Haji Ahmad  
Pengarah Pengajian  
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XIV  
Tarikh: 23 Jamadilawal 1439H / 09hb Februari 2018